



JABATAN KESIHATAN NEGERI SELANGOR
Tingkat M,9,10,11,14,17 & 18 , No.1, Wisma Sunway
Jalan Tengku Ampuan Zabedah C 9/C , Seksyen 9
40100 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan



Tel : 03-5123 7333,03-5123 7334,03-5123 7335,03-5123 7401
Faks : 03-5123 7202 (Pengaroh),03-5123 7209 (Pengurusan),
03-5123 7299 (Perubatan),03-5123 7389 (Pergigian),
03-5123 7399(Kesihatan Awam),03-5123 7402 (BKMM),
03-5123 8604 (Farmasi)

Portal Rasmi : www.jknselangor.moh.gov.my

Ruj. kami : JKNS/KA/V/730/01-04 Jld. 9 (64)
Tarikh : 13 Disember 2022

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

KEY POINTS HASIL SEMAKAN MESYUARAT JAWATANKUASA KEMATIAN DEMAM DENGGI PERINGKAT NEGERI SELANGOR BIL 8/2022

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Jabatan Kesihatan Negeri Selangor adalah komited ke arah mencapai sasaran Kadar Kematian Demam Denggi - *Case Fatality Rate* (CFR) <0.2% seperti yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Sehingga Minggu Epid 44/2022 CFR yang dicatatkan oleh Selangor ialah 0.02%.

3. Mesyuarat Semakan Kematian Denggi Peringkat Negeri Selangor Bil 8/2022 telah diadakan pada 9 November 2022. Berikut adalah *key points* hasil mesyuarat tersebut sebagai perkara yang perlu diberi perhatian dan tindaksusul oleh semua PTJ di Negeri Selangor:

3.1 Pengambilan Sejarah Pesakit Demam dan Ujian *Full Blood Count* (FBC)

Pesakit demam yang datang ke fasiliti kesihatan perlu diambil sejarah lokaliti wabak denggi atau sejarah aktiviti semburan dikawasan tempat tinggal pesakit. Bagi kes disyaki demam denggi, maklumat ahli keluarga dan tempat kerja pesakit yang ada sejarah demam juga perlu diambil. Ujian *FBC* perlu dibuat untuk semua kes demam 2 hari atau lebih sebagai *baseline*.

3.2 Perkongsian Maklumat Lokaliti Wabak Denggi

Pihak PKD perlu berkongsi maklumat lokaliti wabak denggi melalui emel dengan semua fasiliti kesihatan (hospital dan klinik kesihatan). Selain itu, PKD perlu meningkatkan promosi kawasan lokaliti wabak denggi melalui media sosial dengan memuatnaik di *facebook* PKD, *telegram* atau *whatsapp* bersama komuniti dan pengamal perubatan swasta.

PENYAYANG, PROFESIONALISME DAN KERJA BERPASUKAN ADALAH BUDAYA KERJA KITA



CERTIFIED TO ISO 9001: 2015
CERT. NO. QMS 01508

3.3 Notifikasi Demam Denggi

Semua Pengamal Perubatan yang melihat kes disyaki atau *confirmed* kes denggi perlu membuat notifikasi melalui sistem *e-notifikasi* dengan kadar segera dalam tempoh 24 jam. Mana-mana pengamal perubatan yang gagal membuat notifikasi kes demam denggi boleh dikenakan kompaun.

3.4 Pemantauan Vital Signs Pesakit Demam Denggi Yang Kritikal

Semua pesakit demam denggi yang kritikal perlu dipantau *vital signs* dengan rapi dan dibuat dokumentasi setiap 15 minit. Sekiranya tiada anggota sokongan yang mencukupi untuk memantau dan merekod *vital signs* ini, pegawai perubatan perlu mengambil dan merekod keadaan *vital signs* pesakit ini.

3.5 Rawatan Intensif Awal Kes Kritikal Di Jabatan Kecemasan (ED)

Pesakit demam denggi yang dalam keadaan kritikal perlu dilihat segera oleh pakar *anaesthesia/intensivist* bermula di jabatan kecemasan termasuk kes-kes kritikal yang dirujuk dari luar. Rawatan secara intensif perlu dibuat semasa pesakit di ED dan pesakit perlu dengan segera dipindah ke wad rawatan rapi (ICU). Sekiranya pesakit kritikal di ED tidak dipindahkan segera kerana kekurangan katil di ICU, *vital signs monitoring* tetap perlu dipantau secara rapi dan dibuat dokumentasi dan rawatan dibuat oleh Pegawai Perubatan dari Jabatan Perubatan.

3.6 Pemberian *Blood Product* Dipercepatkan Untuk Pesakit *With Severe Leakage*

Bagi pesakit demam denggi *with severe leakage (increasing trend of haematocrit)*, pemberian *blood product* perlu dipercepatkan.

3.7 Mengelakkan Pemberian Propofol Untuk Pesakit Kritikal Semasa Intubasi

Bagi pesakit kritikal demam denggi *in shock*, pemberian propofol perlu dielakkan dan dicadangkan menggunakan *midafentanyl*.

KEY POINTS HASIL SEMAKAN KEMATIAN DENGGI BIL 2022

3.8 Dokumentasi Diagnosis Pesakit Demam Denggi

Semua pegawai perubatan yang melihat pesakit perlu dokumentasi diagnosis dengan lengkap termasuk pelan rawatan untuk pesakit. Selain itu, diagnosis pesakit perlu dilihat kembali atau *revise* mengikut keadaan klinikal pesakit dan juga keputusan ujian pemeriksaan pesakit.

4. Sehubungan dengan itu, dimohon pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dapat menyampaikan maklumat ini kepada pegawai dan anggota kesihatan di bawah seliaan agar perkhidmatan yang diberikan adalah komprehensif.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah



(DATO' INDERA DR. SHA'ARI BIN NGADIMAN)
No Pendaftaran Penuh MPM: 26842, NSR: 127761
Pengarah Kesihatan Negeri Selangor

s.k

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Ketua Penolong Pengarah Kanan
Unit Kawalan Penyakit Bawaan Vektor, JKNS

Ketua Penolong Pengarah Kanan
Unit Primer, JKNS

Ketua Penolong Pengarah Kanan
Unit Kesihatan Amalan Perubatan Swasta, JKNS

KEY POINTS HASIL SEMAKAN KEBIATIAN DENGGI BIL 2022

SENARAI EDARAN

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Petaling

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Klang

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Langat

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Selangor

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Sabak Bernam

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Gombak

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Selangor

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Sepang

Pengarah Hospital, Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang

Pengarah Hospital, Hospital Selayang

Pengarah Hospital, Hospital Serdang

Pengarah Hospital, Hospital Sg. Buloh

Pengarah Hospital, Hospital Ampang

Pengarah Hospital, Hospital Kajang

Pengarah Hospital, Hospital Banting

Pengarah Hospital, Hospital Tengku Ampuan Jemaah, Sabak Bernam

Pengarah Hospital, Hospital Kuala Kubu Bharu

KEY POINTS HASIL SEMAKAN KEMATIAN DENGGI BIL 2022

Pengarah Hospital, Hospital Tanjong Karang

Pengarah Hospital, Hospital Shah Alam

Pengarah Hospital, Hospital Orang Asli Gombak

Malaysia Medical Association
4th Floor, Bangunan MMA 124 Jlna Pahang
53000 Kuala Lumpur

Association of Private Hospitals of Malaysia
A-17-01, Menara UOA Bangsar
No 5, Jalan Bangsar Utama 1
59000 Kuala Lumpur

The Private Medical Practitioner's Association Of Selangor and Kuala Lumpur
Unit 1.6, Level 1, Enterprise 3B
Technology Park Malaysia (TPM)
Jalan Inovasi 1
Lebuhraya Puchong- Sungai Besi, Bukit Jalil
57000 Kuala Lumpur

